



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and Innovation)

24 Jun 2021

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 1/2020 Sem.1

**FI PEPERIKSAAN PENSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN,
FI PEPERIKSAAN PENGENDALI UJIAN KEBOCORAN DAN
FI PERMOHONAN KELULUSAN IMPORT/EKSPORT
DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 [AKTA 304]**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pihak industri dan pemegang lesen mengenai fi **Peperiksaan Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran**, fi **Peperiksaan Pengendali Ujian Kebocoran** dan fi **permohonan kelulusan import/eksport** di bawah Akta 304 adalah **tidak dikenakan untuk suatu tempoh** bagi menghadapi kesan ekonomi susulan penularan wabak Covid-19.

LATAR BELAKANG

2. Susulan dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berhubung dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) terus komited untuk memberikan kemudahan berkaitan aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan bagi tujuan memfasilitasi pihak industri dan pemegang lesen dalam menghadapi cabaran ekonomi sepanjang tempoh PKPP ini.

3. Kemudahan yang diberikan oleh AELB ini telah dihebahkan melalui kenyataan umum bertarikh 11 Jun 2020 yang lalu.
4. Selain itu, AELB juga akan terus mengkaji dari semasa ke semasa sekiranya masih terdapat tawaran dan kemudahan lain yang boleh dipertimbangkan untuk meringankan beban pihak industri dan pemegang lesen sepanjang tempoh PKPP dikuatkuasakan.

KEPUTUSAN AELB

5. Sebagai usaha berterusan bagi meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam meningkatkan sektor ekonomi yang melibatkan aktiviti tenaga atom semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), maka AELB telah memutuskan untuk **TIDAK MENGENAKAN**:-

- (i) **Fi Peperiksaan Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS);**
- (ii) **Fi Peperiksaan Pengendali Ujian Kebocoran;** dan
- (iii) **Fi bagi setiap permohonan kelulusan import/eksport.** Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih tertakluk kepada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan (*service provider*).

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2020** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

PEMBATALAN

7. Notis Pemberitahuan Bil. 1/2020 bertarikh 5 Ogos 2020 adalah dibatalkan.

PENUTUP

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:-

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : corporate@aelb.gov.my

Laman Web : wwwaelb.gov.my